


Insurans Penyakit Kritikal Zurich Kini Tersedia di Aplikasi Shopee dan ShopeePay bagi Memperluas Akses kepada Perlindungan Kesihatan



**PERLINDUNGAN MAKSIMUM
RM300,000
SEHINGGA 14 PENYAKIT***
Percuma Bulan Pertama*

ZURICH

BAHARU

*T&S tertakluk. Kempen ini dijalankan oleh MoneeInsure Agency Malaysia Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Sealsure Agency Malaysia Sdn. Bhd.), ejen syarikat insurans/takaful berdaftar, dengan kerjasama Shopee & ShopeePay.

Kuala Lumpur, 20 Julai 2026 - Dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin mencabar, semakin ramai rakyat Malaysia menyedari kepentingan membina asas kewangan yang kukuh demi bersiap sedia menghadapi situasi luar jangka. Memandangkan [enam daripada 10 rakyat Malaysia dilaporkan mempunyai simpanan kecemasan kurang daripada RM1,000](#), keperluan terhadap perlindungan insurans yang mudah diakses kini semakin meningkat, terutamanya bagi menangani risiko kesihatan yang boleh menjejaskan kewangan peribadi.

Bagi menangani cabaran ini, **Insurans Penyakit Kritikal Zurich**—yang ditanggung jamin oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dan diedarkan oleh MoneeInsure Agency Malaysia Sdn. Bhd (MoneeInsure)—kini boleh dibeli melalui **aplikasi Shopee dan ShopeePay**. Langkah ini menyepadukan perlindungan kesihatan terus ke dalam ekosistem digital rakyat Malaysia bagi menyediakan akses perlindungan yang lebih inklusif untuk semua lapisan masyarakat.

Ditawarkan melalui **pelan Asas dan Komprehensif** dengan **jumlah perlindungan sehingga RM300,000**, Insurans Penyakit Kritikal Zurich menyediakan **perlindungan sehingga 14 jenis penyakit kritikal dan peringkat awal**, termasuk kanser, serangan jantung, strok, dan kegagalan buah pinggang. Bermula bulan ini, MoneeInsure sedang menjalankan kempen* yang menawarkan pelan Asas secara **percuma untuk bulan pertama** kepada rakyat Malaysia




yang layak, membantu orang ramai mengambil langkah awal dalam melindungi diri daripada risiko penyakit kritikal.

Kedua-dua pelan ini ditawarkan kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, dengan pilihan pelan yang fleksibel mengikut keperluan individu.

	Pelan Asas	Pelan Komprehensif
Jumlah Diinsuranskan	Pilihan RM50,000, RM100,000, RM200,000, atau RM300,000	
Pendapat Perubatan Kedua	Sehingga RM2,000	
Sokongan Pendapatan Bulanan	RM5,000 hingga RM8,000 sebulan selama 3 bulan	
Penyakit Kritikal yang Dilindungi	• Kanser • Strok • Serangan Jantung • Kegagalan Buah Pinggang • Kegagalan Hati Peringkat Akhir • Penyakit Paru-paru Peringkat Akhir • Penyakit Arteri Koronari Serius	
Jumlah Perlindungan Penyakit Peringkat Awal <i>**Untuk maklumat lanjut dan senarai penuh penyakit peringkat awal yang dilindungi, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk Penyakit Kritikal Zurich (Komprehensif) melalui pautan di bawah.</i>	N/A	Perlindungan bagi penyakit peringkat awal yang tersenarai sehingga RM150,000**
Pembayaran Fleksibel	Bulanan atau Tahunan	

Pengguna boleh membeli pelan ini melalui aplikasi ShopeePay dengan memilih "Insurans" di halaman utama, diikuti dengan "Kesihatan". Sebagai alternatif, di aplikasi Shopee, pengguna boleh pergi ke halaman "Saya", pilih "Insurans" di bawah bahagian Perkhidmatan Kewangan, dan pilih "Kesihatan".



Untuk butiran penuh perlindungan, manfaat serta terma dan syarat, sila layari [halaman produk Insurans Penyakit Kritikal Zurich](#) atau rujuk [Lembaran Pendedahan Produk](#).

**Tertakluk pada Terma & Syarat.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web [laman web Zurich Life Insurance Malaysia](#) atau di [laman web PIDM](#).

###

Tentang ShopeePay

ShopeePay ialah penyedia perkhidmatan pembayaran digital dan kewangan di Asia Tenggara serta Brazil, yang menyediakan akses bersepadu kepada penyelesaian kewangan harian untuk pengguna dan peniaga.



Dilancarkan pada tahun 2015, ShopeePay memperkasakan gaya hidup digital dengan membolehkan transaksi yang mudah dan lancar melalui pelbagai kaedah pembayaran yang disambungkan. Ia turut menawarkan akses kepada perkhidmatan kewangan tambahan melalui kerjasama strategik, termasuk pembiayaan, insurans dan pelaburan. Bagi peniaga, infrastruktur pembayaran ShopeePay membantu memudahkan operasi serta membuka ruang pertumbuhan baharu dalam ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://shopeepay.com/>.

About Zurich Life Insurance Malaysia

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (ZLIMB), merupakan sebahagian daripada Zurich Insurance Group, adalah penyedia insurans hayat terkemuka yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Melalui pelbagai rangkaian produk insurans hayat, ZLIMB menyediakan penyelesaian perlindungan, perubatan dan kesihatan, simpanan wang dan pelaburan untuk memenuhi keperluan keselamatan dan jaminan kewangan para pelanggan. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta dengan sokongan dari rangkaian cawangan di bandar-bandar utama di seluruh negara, ZLIMB komited untuk membantu pelanggan memahami dan melindungi diri mereka daripada risiko. Perlindungan takaful keluarga yang patuh syariah juga disediakan untuk para pelanggan melalui syarikat sekutu, Zurich Takaful Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut mengenai ZLIMB, layari www.zurich.com.my.